

PROGRAM KEGIATAN SEMANGAT KEJIRANAN: SATU STRATEGI KOMUNIKASI ANTARABUDAYA KE ARAH PERPADUAN MASYARAKAT

oleh Latiffah Pawanteh

Pengenalan

Sesuatu masyarakat majmuk pada takrifnya mengandungi pelbagai ciri dalam sistem nilai dan budaya hidup yang adakalanya bercanggah antara satu sama lain. Dengan itu maka usaha ke arah mengurangkan punca percanggahan tersebut adalah perlu. Ini termasuklah langkah-langkah untuk menggalakkan dan melicinkan komunikasi antarabudaya di kalangan kumpulan-kumpulan yang mewarisi ciri-ciri hidup yang berbeza. Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa bibit-bibit interaksi antara etnik sudah wujud sejak bermulanya pertumbuhan golongan etnik asing lagi, namun apa yang nyata sekarang ialah bibit-bibit tersebut telah gagal untuk berkembang ketepat yang lebih rapat dan mesra. Kedudukan ini agak berbeza dengan jangkaan teoretis yang dipelopori oleh penulis-penulis seperti Deutsch (1961), Aptek (1965), Lerner (1958) dan Parming (1980) yang meramalkan berlakunya peningkatan gaya hidup masyarakat kearah yang lebih harmonis, berkembang selari dengan proses modenisasi.

Kepada para sosiologis percanggahan ini menuntut penjelasan akademik; kepada para pemimpin negara ia merupakan suatu cabaran yang perlu ditangani segera untuk menjamin keselamatan rakyat dan kestabilan politik negara. Kerana itu suatu pendekatan dan gagasan khusus adalah perlu bagi mengatasi perpecahan yang mungkin akan tercetus kiranya tidak dibendung di tahap awal. Suatu langkah yang waras kearah perpaduan jangka panjang ialah dengan mengadakan langkah yang sesuai untuk menegakkan kembali nilai muhibbah masyarakat yang ketika ini semakin cepat ditenggelami oleh sistem nilai yang berorientasikan kepada percaturan pasaran. Memandang kepada kecenderungan kearah berpecah belah ini, ada baiknya jika hubungan antara ahli masyarakat dipertingkatkan bagi melahirkan interaksi antara kaum yang lebih harmonis.

Kertas ini bertujuan meninjau Program Kegiatan Semangat Kejiranan sebagai satu strategi kearah menggalakkan interaksi yang harmonis dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Sebelum itu beberapa konsep diketengahkan sebagai landasan perbincangan.

Elemen Komunikasi Antarabudaya

Program yang dimaksudkan kini merupakan satu usaha untuk memaksimakan proses komunikasi di kalangan ahli komuniti dan organisasi bagi kepentingan perpaduan. Di sini komunikasi boleh dilihat sebagai proses yang berterusan, dua hala, yang menyalurkan maklumat dari sumber ke penerima melalui suatu saluran tertentu. Sementara itu, mesej berkenaan pula berupaya memberi kesan kepada penerima. Proses komunikasi boleh dikatakan lengkap hanya apabila penerima memahami mesej, mentafsirkan pengertian mesej, memberi kesan, dan akhir sekali, penerima memberi maklumbalas. Secara umumnya, proses tersebut merangkum segala aspek tingkah laku manusia.

Dalam proses ini, perlu ditekankan bahawa komunikasi merupakan elemen budaya. Yakni, komunikasi dan budaya adalah sekaligus proses dan pola yang merentasi masa dan ruang. Budaya dan komunikasi tidak boleh dipisahkan oleh kerana budaya bukan sahaja menentukan pola perucapan - siapa bercakap dengan siapa; tentang apa; lanjutan dialog; pengertian mesej; syarat serta keadaan di mana mesej mungkin atau tidak mungkin dikirimkan, diperhaikan atau pun diterjemahkan. Budaya seterusnya boleh dilihat sebagai elemen asas dalam proses komunikasi. Dan apabila budaya-budaya berbeza maka amalan proses komunikasi juga akan turut berbeza (Samovar, 1981). Perbezaan budaya dalam gaya manusia merakam dan mentafsir mesej merupakan masalah utama dalam pertimbangan

komunikasi antarabudaya.

Budaya menentukan sama ada secara sedar atau tidak sedar, akan terbentuk tingkahlaku, termasuk tingkahlaku komunikasi. Keupayaan manusia untuk hidup berkumpulan dibentuk oleh pengaruh budaya yang melengkapkan individu itu dengan kemahiran, pengetahuan, adat resam, tradisi, barang buatan manusia dan organisasi sosial. Ia mengajar manusia tentang amalan hidup dalam sesuatu persekitaran sosial. Tanpa budaya manusia menjadi seakan-akan kalkuli yang berterbangan tanpa haluan. Dari itu jelaslah, bahawa budaya adalah asas struktur, stabiliti dan ketenteraman sosial yang sangat diperlukan oleh individu dan masyarakat sekiranya mereka ingin memelihara kewujudan dan kesinambungan masing-masing. Budaya menyediakan rangka bagi proses komunikasi untuk berkembang di kalangan ahli masyarakat kerana tanpa rangka ini proses komunikasi akan ketiadaan arah pengertian kepada mereka.

Asas Interaksi

Dalam lingkungan hidup harian sesuatu hubungan hanya akan dapat digerakkan setelah wujudnya asas-asas interaksi. Ini termasuklah perkongsian terhadap pengertian tentang keperluan asas seperti berikut:

1. keperluan fisiologikal: makanan, minuman, tempat tinggal, dsbnya.
2. keperluan keselamatan: perlindungan dari ancaman jenayah, politik, dsbnya.
3. keperluan sosial: kasih sayang, persahabatan, semangat kekitaan, kebanggaan terhadap komuniti termasuk pendaulatan kepada ciri simbolis di dalam masyarakat tersebut.
4. keperluan ego: kejayaan, martabat diri.
5. keperluan untuk bebas mencungkil bakat diri.
(Maslow, 1954)

Keseluruhan hirarki keperluan diatas akan hanya dapat dipenuhi kiranya keadaan komuniti tempatan mempunyai nilai-nilai sosial yang sehaluan. Kedudukan ini mungkin dihampiri jika sesuatu komuniti itu terdiri daripada golongan etnik yang mempunyai identiti dan nilai hidup yang sama serta mudah diterima oleh semua.

Apa yang nyata dalam masyarakat majmuk Malaysia sekarang ialah adanya perbezaan budaya-budaya kecil yang turut menimbulkan jurang sosial. Kepelbagaiannya persepsi sosial termasuk kepercayaan, sistem nilai, sikap, pandangan dunia, organisasi sosial, ekspresi lisan dan tanpa lisan, adalah di antara beberapa faktor yang membatasi komunikasi di kalangan kumpulan-kumpulan yang mempunyai perbezaan nilai sosial; lebih luas perbezaan tersebut maka lebih kecil pula pentas interaksi masyarakat tersebut.

Walaupun Malaysia sudah mempunyai garis panduan yang jelas tentang matlamat negara seperti yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan, Dasar Perpaduan Nasional serta ciri falsafah di sebalik konsep Rukun Negara dan beberapa dasar lain, seringkali matlamat perkauman diutamakan serta dimajukan oleh kumpulan etnik secara berasingan. Sikap sedemikian hanya boleh menimbulkan dilema dalam sebarang usaha untuk mewujudkan pentas interaksi yang diperlukan oleh sesebuah masyarakat heterogen.

Di peringkat teorinya mungkin langkah penggubahan sosial (social engineering) dapat dilaksanakan dengan menyediakan pentas tadi untuk menggabungkan minat komuniti ketahap yang lebih sehaluan, melalui saluran tertentu termasuk institusi-institusi Rukuntetangga, program SEMARAK,

aktiviti KEMAS, persatuan ibubapa dan guru sekolah, dan akhir-akhir ini, beberapa program seranta daripada pihak polis. Bentuk saluran tersebut bergantung kepada daya kepimpinan komuniti tertentu baik dalam hal agama, pentadbiran, institusi tradisional, maupun politik. Setiap kumpulan boleh mewujudkan saluran-saluran tertentu untuk mendekati komunitinya kepada matlamat sosial negara. Pokoknya mestilah ada minat bersama untuk mempertingkatkan persefahaman terhadap semangat nasionalisme, semangat perpaduan, semangat kekitaan yang amat diperlukan pada masa sekarang.

Ciri Masyarakat Masakini

Dewasa ini, nilai setempat terlalu jauh dipengaruhi oleh nilai orientasi pasaran. Umpamanya, jika dahulu orang akan bersedia untuk menyumbang tenaga kepada projek gotong-royong atau projek berderau, tetapi kini semua sumbangan ghalibnya perlu diberi ganjaran dalam bentuk wang. Pertalian di antara mereka yang tinggal di dalam sesebuah komuniti semakin menjadi tipis apabila hubungan salingbantu (reciprocal) sudah berganti dengan ciri-ciri individualisme. Proses permodenan dengan sendirinya telah mengurangkan pergantungan sosial. Kini telah muncul institusi khusus di dalam komuniti yang diwujudkan untuk mengambil alih kegiatan yang dahulunya memerlukan perkongsian tenaga dan fikiran. Contohnya, jika seseorang itu sakit dia boleh menalipon ambulan untuk membawanya ke rumah sakit. Begitu juga jika rumah terbakar, pihak bomba akan datang dengan segera untuk memberi bantuan. Dengan demikian keluarga berjiran tidak lagi memerlukan pertolongan jiran mereka.

Dalam hal ini yang ketara sekali ialah konflik antara dasar yang eksplisit dan sistem nilai yang implisit. Dasar-dasar seperti Dasar Perpaduan Nasional, Dasar Ekonomi Baru jelas bermatlamat untuk menyusun semula masyarakat serta menyatupadukan penduduk sedangkan objektif seumpama ini tidak semuanya disokong.

Malahan dasar eksplisit tadi adakalanya bercanggah dengan elemen implisit seperti norma, budaya, agama dan keadaan sosial yang semakin bercorak kosmopolitan dan individualistik.

Di tahap ini kebanyakan penduduk tidak lagi bergantung kepada persekitaran tempatan sebagai punca mata pencarian. Pembangunan bandar telah mewujudkan peluang pekerjaan di sekitar kawasan bandar. Dengan itu, lokasi pekerjaan tidak lagi terhad kepada lokasi kediaman. Seringkali orang akan berhijrah ke tempat kediaman baru untuk memperolehi peluang pekerjaan. Secara tidak langsung proses penghijrahan ini telah mengakibatkan perpisahan kekal dengan saudara-mara. Bagai pepatah Melayu, air dicincang tidak akan putus, maka begitulah amalan kebanyakkan masyarakat kota yang berduyun-duyun pulang kekampung untuk bersama keluarga, terutama sekali pada hari-hari perayaan dan cuti umum. Sistem pengangkutan dan jalanraya yang baik telah memudahkan lawatan kemana-mana tempat sahaja. Hasilnya, masa yang dihabiskan di luar komuniti; iaitu di tempat pekerjaan, rekreasi, atau pun di kawasan asal adalah lebih dari masa yang dihabiskan di tempat kediaman.

Adalah menjadi matlamat sosial dalam pembangunan negara untuk memenuhi keperluan perumahan. Projek-projek perumahan membuka peluang baru bagi merancangkan pola petempatan kearah yang unggul di peringkat mikro. Dengan itu kegiatan kejiranan lebih mudah dipupuk dengan memastikan bahawa perancangan awal mengambilkira petempatan penduduk yang mempunyai sistem nilai yang sehaluan. Contohnya, di blok rumah pangsa kos rendah boleh diwujudkan persamaan ciri-ciri hidup bersesuaian dengan kelas penghuni yang homogen bagi keseluruhan blok, iaitu bagi kesemua ahli yang, tidak kira apa juga keturunannya mempunyai persamaan dalam aspek pendapatan, pendidikan, bilangan ahli keluarga, serta juga latarbelakang tempat asal (kawasan setinggan, kampung dan sebagainya). Secara tidak langsung, aspirasi mereka juga adalah sehaluan. Dalam kedudukan yang unggul, susunan perumahan mengikut kelas dapat memupuk semangat kejiranan. Ini adalah satu usaha dari pihak pentadbiran untuk masyarakat.

Dalam model integrasi perumahan, prinsip asas ialah untuk menyatupadukan ketiga-tiga kumpulan etnik utama ke dalam satu kancan komuniti. Persamaan taraf pendapatan merupakan faktor

penyatuan yang asas. Justeru itu, bagi memastikan agar benar-benar terdapat integrasi di kalangan masyarakat, DEB telah menetapkan bahawa setiap kawasan perumahan baru mestilah mempunyai tidak kurang dari 30% penduduk bumiputra (Zaharudin, 1978).

Masalah kumpulan etnik timbul dari pelbagai punca, terutamanya akibat daripada migrasi desabandar bagi tujuan mengejar pekerjaan yang mengakibatkan pertumbuhan petempatan yang tidak berancang di merata kawasan bandar. Ciri-ciri identiti dan matlamat komuniti sepunya yang merentasi kepentingan etnik dan kelas agak berkurangan. Secara tidak langsung nilai yang tersemai ialah nilai proletariat iaitu ketiautan kepada majikan, kepada kesatuan sekerja, atau kepada perkumpulan etnik, dan bukan kepada komuniti. Tempat tinggal mereka hanya menjadi semata-mata tempat berehat setelah penat mencari nafkah. Sehubungan dengan itu, pola perhubungan di kalangan ahli komuniti di bandar seringkali di pengaruhi oleh corak pekerjaan. Ekoran itu terdapat interaksi yang lebih aktif di kalangan individu yang terlibat di dalam aktiviti ekonomi sama-jenis berbanding dengan interaksi yang lain. Oleh kerana hal yang sama pergaulan bebas tanpa menghiraukan status kurang kedapatan. Hakikat ini adalah hasil dari pembahagian kawasan perumahan baru mengikut harga rumah, iaitu kawasan perumahan kos rendah, sederhana, dan mewah.

Di bandar pula wujud pola petempatan mengikut garis etnik, seperti mana yang dapat kita lihat di ibukota Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, petempatan mengikut garis etnik bukanlah satu fenomena baru. Sememangnya menjadi sifat semulajadi manusia untuk mencari tempat tinggal di kalangan kumpulan yang dapat memberikan perlindungan, ketenteraman serta juga keselesaan jiwa. Maka berkembanglah kawasan perumahan orang Melayu di Kampung Pandan dan Kampung Baru, orang Cina di sekitar Cheras sementara orang India pula bertumpu ke Brickfields dan Sentul. Walaupun dengan perlaksanaan DEB, masih lagi terdapat kawasan perumahan baru yang mengekalkan ciri-ciri petempatan kumpulan etnik tertentu. Ciri tersebut ketara sekali di beberapa kawasan termasuk Bandar Baru Bangi, SEA Park, Overseas Union Garden dan sebagainya. Maka wujudlah lapisan masyarakat mengikut garis etnik, pekerjaan, pendapatan dan perumahan (Armstrong, 1988). Situasi sedemikian bukan sahaja membesaraskan jurang sosial tetapi juga melemahkan usaha peruntukan perumahan bagi tujuan merapatkan komunikasi antara etnik. Ciri-ciri polarisasi kaum masih wujud di sebalik matlamat unggul perpaduan negara. Masyarakat terus hidup seiringan tanpa integrasi dalam erti kata yang sebenarnya.


Kebelakangan ini terdapat perkembangan beberapa dakyah baru yang berpunca daripada perbezaan tafsiran agama, ideologi kelas dan falsafah, yang berpotensi untuk membelah bahagikan ketiautan masyarakat kepada pemimpin masing-masing. Ketiautan dan kerjasama diberikan kepada seseorang pemimpin kesatuan tidak kira di mana juga dia tinggal. Begitu juga halnya dengan pembahagian masyarakat mengikut hasutan politik.

Kemajuan dalam bidang teknologi moden juga membesaraskan jurang sosial. Tingkat pencapaian teknologi maklumat yang sentiasa berkembang mewujudkan pergantungan khalayak kepada media. Pengaruh daripada peralatan teknologi moden seperti radio, TV, video dan sebagainya menyebabkan masyarakat lebih berminat untuk tinggal di rumah secara sendirian dan terasing. Jika dahulu kedai kopitiam menjadi tempat perbualan, satu arena berkomunikasi, kini ia didominasikan oleh peminat video gusti. Mereka sudah terlalu lali untuk berbincang hal ehwal semasa, atau tentang masa depan komuniti.

Telefon, sebagai alat komunikasi antaraperibadi, walaupun tidak memerlukan interaksi bersemuka telah berjaya mengisi keperluan pengguna untuk berinteraksi. Secara tidak langsung, telefon membebaskan individu daripada keperluan berbincang dengan jiran tetangganya. Jelas sekali, dengan kemajuan dalam bidang teknologi moden manusia boleh tinggal berasingan dalam komunitinya. Interaksi wujud di institusi yang berkaitan serta penting bagi kehidupan seseorang individu.

Perlaksanaan Konsep Kegiatan Semangat Kejiranan

Apabila kegiatan semangat kejiranan mula dilancarkan, ia bukanlah bertujuan untuk mengembalikan



Rajah A : Strategi ke arah matlamat perpaduan nasional: peranan kegiatan semangat kejiranann melalui Dasar (Pendidikan, Bahasa, Budaya, Ekonomi, Perumahan) yang telah digubal bagi melicinkan proses integrasi.


semula situasi yang terdapat dalam masyarakat tradisional. Keadaan sedemikian tidak mungkin dicapai, malahan mungkin tidak diperlukan lagi dalam konteks kemajuan masyarakat dewasa ini. Walau bagaimanapun, proses perpisahan, pemencilan; atau pun perpecahan dikalangan ahli komuniti, tidak boleh dibiar berterusan begitu sahaja. Sikap "aku-aku" dan "kamu-kamu" perlu digantikan dengan "kami-semua" atau "kita-bersama" dengan seberapa segera sejajar dengan konsep keperluan Maslow yang disebutkan dibahagian awal tadi (Wan Halim Othman, 1986).

Justeru itu, penyertaan serta penglibatan yang aktif dalam aktiviti berkelompok perlu diperluaskan bagi mengisi ruang sosial antara ahli-ahli komuniti. Tanpa katalis yang dapat mengerakkan dengan cepat, serta menentukan arah perkembangan hubungan antara etnik yang sealiran dengan matlamat integrasi nasional, proses kegiatan kejiranan yang bakal wujud secara beransur-ansur, mungkin akan memakan masa yang terlalu panjang. Selain dari itu konsep semangat kejiranan *sebuda* mungkin lebih mudah dicapai dengan kesan yang lebih jelas daripada konsep kejiranan antarabudaya.

Jelas telah wujud kesedaran bahawa satu usaha yang dirancang bersama bagi mempereratkan, serta mendalami dinamika hubungan dalam setiap komuniti, perlu dilancarkan dengan seberapa segera jika Dasar Perpaduan Nasional ingin direalisasikan (lihat Rajah A).

Bertolak dari situ dan bagi menghindar dari pembiayaan yang berlebihan, pindaan telah dibuat kepada peraturan-peraturan perlu Rukun Tetangga pada tahun 1982. Sekim Rukun Tetangga kini telah menyerapkan bidang aktiviti yang lebih menyeluruh berbanding dengan konsep asalnya yang hanya bertujuan menjaga keselamatan dan keamanan kawasan semata-mata. Pada awal tahun 1988, Sekim Rukun Tetangga telah diubahsuai bagi tujuan mengeratkan hubungan dan interaksi di kalangan rakyat daripada pelbagai etnik. Matlamat pokok ialah untuk menyemai semangat muhibah dan seterusnya mencapai matlamat perpaduan nasional. Di bawah konsep baru ini pembentukan semangat kejiranan telah dititikberatkan. Tumpuan usaha ialah kepada program untuk mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat bahawa hidup berganding bahu adalah penting bagi keharmonian dan kestabilan masyarakat.

Sebenarnya, konsep kegiatan semangat kejiranan bukanlah suatu gagasan yang baru (Lihat Rajah B). Intipati konsep tersebut telah pun lama wujud dalam aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di bawah Rancangan Majlis Perhubungan Masyarakat. Ia merupakan program anjuran Lembaga Perpaduan Negara semenjak tahun 1974 lagi. Program Semangat Kejiranan hari ini merupakan gabungan aktiviti Sekim Rukun Tetangga dan Majlis Perhubungan Masyarakat (Woon, 1988).



Rajah B

Perancangan kegiatan kejiranan hendaklah merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat sekiranya ia ingin berkesan. Kegiatan kejiranan kini terbahagi kepada 10 bidang iaitu sosial, kebajikan, kesihatan dan alam sekitar, pendidikan, ekonomi dan pengangkutan, seni, sukan, penerangan, keselamatan dan anti-dadah. Pemilihan dan keutamaan kegiatan yang bakal dilaksanakan hendaklah memenuhi keperluan masyarakat tempatan. Sebelum sesuatu kegiatan dapat dikenalpasti sebagai projek komuniti, beberapa aspek tentang masyarakat setempat perlu diketahui. Latarbelakang kawasan, ciri-ciri serta keperluan masyarakat setempat perlu dikaji supaya kegiatan kejiranan yang diaturkan itu memenuhi keperluan masyarakat setempat. Perkara ini hendaklah dikaji secara berterusan memandangkan keperluan masyarakat sentiasa berubah mengikut masa dan keadaan.

Apabila kegiatan telah dikenalpasti, individu yang dipertanggung-jawabkan untuk melaksanakan kegiatan tersebut ialah Ketua Jiran. Beliau dengan peranannya sebagai pemimpin komuniti perlu memberi perhatian kepada langkah-langkah yang disusun bagi menjayakan pelaksanaan kegiatan itu.

Ketua Jiran: Pemimpin Komuniti dan Komunikator Antarabudaya

Penggubalan konsep Kegiatan Semangat Kejiranan telah mewujudkan institusi Ketua Jiran. Institusi Ketua Jiran ditubuhkan bagi membantu Jawatankuasa Rukun Tetangga menjalankan tugas serta tanggungjawabnya dengan lebih berkesan. Adalah menjadi andaian penggubal program ini bahawa status Ketua Jiran sebagai pemimpin sosial sesuatu Unit Kemasyarakatan mempunyai hubungan yang rapat dengan penduduk dalam unit tersebut. Ia berkeupayaan memainkan peranan sebagai orang tengah antara masyarakat dengan Jawatankuasa Rukun Tetangga dan Jabatan Perpaduan Negara (Haji Ismail Ali, 1988). Interaksi komuniti di peringkat dalaman boleh menggalakkan penglibatan ahli dalam aktiviti kejiranan yang telah dirancangkan. Bahkan Ketua Jiran juga boleh memainkan peranan sebagai saluran untuk bertukar idea, pendapat, kehendak serta juga menyuarakan masalah di kalangan ahli komuniti. Ketua Jiran merupakan individu yang telah dilantik sebagai pemimpin yang berperanan sebagai orang tengah antara ahli komuniti dan JPN.

Setiap individu di negara ini sama ada dia sedar atau tidak, seringkali melibatkan diri dalam komunikasi di peringkat antara budaya. Ini adalah realiti kemajmukan masyarakat, dan kerana itu Ketua Jiran bukan sahaja menjadi pemimpin jiran dalam komuniti pelbagai etnik tetapi sekaligus menjadi komunikator antarabudaya. Dia merupakan individu yang menyertai proses pertukaran maklumat sama ada secara bersemuka atau pun melalui media massa di kalangan peserta dari latarbelakang sosio-budaya yang berbeza (Dodd, 1977). Penyaluran maklumat yang merentasi iklim budaya ini akan dipengaruhi oleh simbol-simbol yang terikat kepada konteks budaya-budaya yang terlibat. Dengan itu, maka kekeliruan terhadap pengertian interaksi boleh berlaku jika sesuatu simbol disalahtafsirkan. Kegagalan tafsiran kod yang dimaksudkan akan melahirkan situasi *miscommunication* jika tidak *communication breakdown* sama sekali. Hakikatnya ialah bahawa budaya membentuk komunikator dan ia banyak bertanggungjawab terhadap tingkahlaku serta pengertian komunikasi yang ada pada individu.

Pokoknya, peranan Ketua Jiran sebagai komunikator antarabudaya adalah kritikal bagi perkongsian pengertian yang signifikan kepada semua pihak yang terlibat. Seorang komunikator yang berkesan boleh mengurangkan ruang sosial dalam interaksi antara etnik melalui pemahaman, kepekaan dan penghayatan yang tinggi terhadap konteks budaya mesej yang disalurkan. Komunikator tersebut juga boleh bersikap objektif terhadap simbol-simbol yang khusus bagi sesuatu budaya, sehingga simbol-simbol tersebut bertukar menjadi lebih umum dan mudah diterima oleh semua ahli dalam masyarakat pelbagai-budaya. Pada tahap ini, komunikator biasanya telah meningkat ketahap Komunikator Pelbagaibudaya (Prosser, 1978). Dia telah berjaya mrentasi semua perbezaan budaya serta juga berupaya menghayati kesemua elemen budaya asing. Barangkali dialah satu-satunya individu yang paling diperlukan dalam masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Justeru itu, setiap Ketua Jiran akan menghadapi proses persepsi sosial di mana individu membentuk pengertian mengenai objek dan fenomena sosial yang di hadapi dalam persekitarannya. Budaya adalah wadah yang menjadi acuan kepada tanggapan yang melahirkan pembentukan konsep-konsep mengikut sistem nilai sesuatu budaya. Tanggapan tertentu bukan sahaja mempengaruhi *stimuli* mana yang sampai pada kesedaran individu, tetapi apa yang penting lagi ialah ia mempunyai pengaruh keatas penilaian, iaitu sesuatu aspek tanggapan mengenai sesuatu perkara. Hatta, komunikasi antara budaya paling mudah difahami dengan merujuk kepada perbezaan budaya dalam proses tanggapan (Sarbaugh, 1988). Batasan yang wujud akibat dari perbezaan persepsi boleh dikurangkan melalui pengetahuan serta kefahaman tentang konteks budaya yang tertakluk kepada perbezaan tadi. Ini perlu ditambahkan dengan keinginan yang iklas dan jujur untuk berkomunikasi secara berkesan tanpa mengira sempadan budaya.

Penutup

Kesimpulannya, Program Kegiatan Semangat Kejiranan merupakan satu strategi komunikasi antara budaya bagi mewujudkan pentas interaksi di peringkat mikro, iaitu di dalam komuniti pelbagai etnik. Program tersebut berpotensi untuk menggalakkan interaksi di peringkat antaraperibadi secara bersemuka tentang pelbagai perkara termasuk perkara-perkara yang dihadapi setiap hari, ciri-ciri perayaan budaya tempatan, hal kesihatan, khidmat kebajikan masyarakat dan sebagainya. Ia juga merupakan penghubung yang organik antara komuniti-komuniti berhampiran.

Sekiranya kejayaan dalam perlaksanaan program tersebut ingin dicapai, suatu aspirasi yang sekata bagi mewujudkan komunikasi yang berkesan adalah mesti. Ini disebabkan pertukaran mesej yang diingini mungkin tersekat bukan sahaja oleh benteng budaya bahkan juga oleh sikap yang tidak mesra di kalangan mereka yang terlibat.

Sememangnya wujud masalah buruksangka etnik yang telah menjejas komunikasi antara kumpulan tertentu. Apabila gejala tersebut wujud, tidak ada kepakaran budaya yang mampu menjadikan komunikasi sebagai suatu proses yang positif.

Oleh yang demikian, Program Kegiatan Semangat Kejiranan yang berhasrat untuk memupuk nilai kejiranan perlu mengenalpasti dan menekankan ciri persamaan yang wujud di kalangan etnik yang boleh dijadikan sebagai ramuan penting dalam komunikasi antarabudaya. Pengetahuan serta pengawalan keatas ciri-ciri persamaan ini bukanlah satu isu falsafah tetapi perkara amali. Pengetahuan umum seumpama itu apabila ditokokambah dengan pengetahuan khusus tentang sesuatu budaya boleh menjadikan seseorang itu celik budaya. Sifat itu memudahkannya untuk bergaul dengan individu daripada mana budaya sekalipun.

Bibliografi

- Armstrong, J. Festival Open Houses: Settings for Intercultural Communication in Malaysia, *Human Organization*, 47(2), 1988, ms. 127-137.
- Apter, D. *The Politics of Modernization*. Chicago: University of Chicago, 1965.
- Deutsch, K. Social Mobilization and Political Development, *American Political Science Review*, 55, ms. 463-515.
- Dodd, C.H. *Cross-cultural communication*. Dubuque: Kendall-Hunt, 1977.
- Hj. Ismail Hj. Mohd Ali. *Peranan dan Keberkesanan Ketua Jiran dalam Memupuk Semangat Kejiranan*. Kertas kerja dibentang dalam Kursus Ketua Jiran, 16 Julai 1988.
- Lerner, D. *The Passing of the Traditional: Modernizing the Middle East*. New York: The Free Press, 1958.
- Maslow, A. *Motivation and Personality*. New York: Harper & Row, 1954.
- Parming, T. and Cheung, L.H. Modernization and Ethnicity in Jacques Dofny & Akinsola Akinwowo (Eds) *National and Ethnic Movements*. London: International Sociological Assn, 1980.
- Prosser, M. *The Cultural Dialogue: An Introduction to Intercultural Communication*. Boston: Houghton-Mifflin, 1978.
- Samovar,L.A.,Porter, R.E. and Jain, N.C. *Understanding Intercultural Communication*. Belmont: Wadsworth, 1981.
- Sarbaugh, L.E. *Intercultural Communication*. New Brunswick: Transaction, 1988.
- Wan Halim Othman, Perancangan dan Perlaksanaan Kegiatan Kejiranan, Negara, 10(1), 1986 ms. 2-13.
- Woon Yoon Thiam, *Pengenalan Konsep Kegiatan Kejiranan*, Kertas kerja dibentang dalam Kursus Ketua Jiran, 16 Julai, 1988.
- Zaharudin Mohd Alias, The New Economic Policy and The Integrated Housing Model, *Ilmu Alam*, 7, 1978 ms. 23-36.